



Received: 2024-12-04

Accepted: 2024-12-30

Published: 2024-12-30

## Original Article

**Amalan Murah Rezeki yang Tular di Internet: Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum**

**(The Practice of Seeking Prosperity That Have Gone Viral on Internet: An Analysis of Source Credibility and Legal (Hukm) Status)**

**Mohd Aizul bin Yaakob<sup>a\*</sup>, Mohammad Roshimi bin Abdullah<sup>a</sup> & Ahmad bin Ismail<sup>a</sup>**<sup>a</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Perlis, Malaysia.\* Corresponding author, email; [aizulyaakob@kuips.edu.my](mailto:aizulyaakob@kuips.edu.my)**ABSTRACT**

Nowadays, internet is considered one of the important mediums for delivering and spreading information. The platform for delivering information through internet is seen as more effective and comprehensive compared to others, as it can be said that almost every member of society now owns a smartphone and has access to all the information within it. In the context of religion, internet platforms are also seen as a primary medium for delivering and disseminating information to the public. However, some of the information spread through this medium is seen as lacking clear religious backing. One of the practices detected spreading through this platform without clear religious support is the practice of attracting prosperity. In this regard, this study will examine the credibility of the sources and the legal (*hukm*) status of some practices related to seeking sustenance that have spread on the Internet. This study is entirely qualitative and involves data collection through a literature review. The data found will be analyzed using document analysis methods. The findings of the study show that at least four legitimate practices for attracting prosperity exist, namely seeking forgiveness (*istighfar*) and repentance (*taubah*), maintaining family ties (*silaturahim*), piety towards Allah (*taqwa*), and increasing prayers. Meanwhile, there are five practices for attracting prosperity that have spread on the Internet. After conducting the analysis, it was found that none of these five practices are based on authentic and authoritative sources. Therefore, these practices cannot be indiscriminately associated with any religious source. However, these practices can still be generally practiced, without associating them with any specific methods or benefits, as most of them involve reciting Quranic verses and prayers (*du'a*), both of which are indeed encouraged in Islam.

**Keywords:** The practice of seeking prosperity; viral; internet; authoritative sources; practiced.

## Pendahuluan

Penyebaran ilmu agama merupakan sebahagian daripada dakwah yang sangat dituntut dalam Islam. Penyampaian ilmu agama boleh disalurkan dengan pelbagai cara dan salah satu daripadanya adalah melalui medium media sosial. Menurut Najidad & Abu Dardaa, media menjadi salah satu wasilah dakwah yang digunakan oleh para pendakwah pada masa kini.<sup>1</sup> Malah, jelas Najidad & Abu Dardaa lagi, sebagaimana media banyak membantu komunikasi dan sebaran maklumat dalam kalangan masyarakat, media juga turut membantu dalam gerakan dakwah dan penyampaian ilmu agama kepada masyarakat.<sup>2</sup>

Dalam penyebaran ilmu agama, para sarjana Islam telah telah menggariskan beberapa syarat utama sebagai dasar yang perlu dipatuhi. Salah satu daripadanya adalah kesahihan ilmu tersebut dan ia bertepatan dengan petunjuk al-Quran dan Sunnah. Bagaimanapun, syarat asas ini dilihat seringkali diremehkan sehingga begitu banyak maklumat-maklumat palsu berkaitan agama disebarluaskan dalam masyarakat atas nama tuntutan dakwah. Sehubungan itu tidak menghairankan apabila media ada melaporkan bahawa terdapat pihak yang mengeksplotasi media sosial untuk menyebarkan maklumat palsu tentang Islam.<sup>3</sup> Dalam konteks penyebaran hadith contohnya, kajian Faisal menunjukkan bahawa media massa dan sosial turut menyumbang kepada penyebaran hadith palsu dalam kalangan masyarakat.<sup>4</sup> Bahkan, jelas Faisal, penyebaran ini meninggalkan kesan negatif yang besar kepada umat Islam. Kesan negatif ini sebahagian besarnya dapat dilihat melalui tokok tambah dalam ibadat yang tidak disyariatkan oleh Nabi SAW, selain memburukkan Islam sebagai sebuah agama yang agung di sisi Allah.<sup>5</sup>

Seiring dengan perkataan Faisal di atas, penulis menemui pelbagai amalan yang dikaitkan dengan Islam tular<sup>6</sup> dalam kalangan pengguna media sosial khususnya di Malaysia. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, amalan yang sering tular di media sosial datang dalam pelbagai bentuk, antaranya seperti amalan murah rezeki, amalan ketika mengandung, amalan tolak bala dan pelbagai lagi. Amalan-amalan melalui bentuk-bentuk di atas seringkali ditemui di dalam internet, sama ada melalui potongan video atau secara infografik. Contoh amalan murah rezeki yang ditemui adalah seperti membaca Surah al-Insyirah sebanyak 7 kali. Ganjarannya adalah Allah SWT akan melepaskan pelakunya dari kesusahan dan memberi kelancaran kepada rezekinya.<sup>7</sup>

---

<sup>1</sup> Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad, *Media Sebagai Wasilah Dakwah*, *Jurnal al-Hikmah*, no. 5. (2013): 92-99.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Astroawani. *Media Sosial Galak Penyebaran Maklumat Palsu Tentang Islam*. Astro Awani Online, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-sosial-galak-penyebaran-maklumat-palsu-tentang-islam-zahid>, diakses 27 Disember 2024.

<sup>4</sup> Faisal Ahmad Shah, *Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran*, *Jurnal HADIS*, no. 6(11) (2016): 9-28.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, tular bermaksud menular, membiak atau menjangkit dan merebak merata-rata tempat. Sehubungan itu, amalan tular yang dimaksudkan di sini adalah amalan-amalan yang dikaitkan dengan Islam yang menular dan tersebar atau menjadi viral dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Malaysia melalui platform internet. Dewan Bahasa dan Pustaka, *Tular*, DBP Online, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tular> diakses pada 29 Dis 2024.

<sup>7</sup> Kuliah Agama Ustaz & Ustazah. *Surah Ringkas yang Banyak Manfaat Untuk Kehidupan*. Facebook. <https://www.facebook.com/739064092966742/photos/a.739086072964544/1450516848488126/?type=3>, diakses 4 Disember 2024.

Demikian juga amalan lain seperti membaca doa daripada surah al-Ma'idah, ayat 114. Ditularkan bahawa ayat ini adalah doa untuk memohon rezeki daripada Allah SWT.

Memandangkan amalan-amalan seperti ini menawarkan sesuatu yang menyenangkan, maka ia sentiasa dikongsi sehingga menjadi tular dalam kalangan pengguna media sosial. Namun begitu, sesuatu yang membimbangkan adalah amalan-amalan yang tular ini kebanyakannya tidak dinyatakan sumber ambilannya. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan beberapa tanda tanya seperti kredibiliti sumber amalan tersebut serta hukum mengamalkannya menurut sisi pandang Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan melakukan analisis bagi beberapa amalan murah rezeki yang ditularkan di dalam media sosial.

### Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif sepenuh dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Sehubungan daripada itu, amalan murah rezeki yang tular di internet dikumpul menerusi kaedah carian berdasarkan kata kunci dalam pangkalan data internet khususnya platform media sosial seperti *facebook*, *instagram*, *tiktok* dan *youtube*. Justeru, pelbagai kata kunci melalui tema “rezeki” atau “murah rezeki” telah digunakan agar tahap capaian diperoleh secara maksimum. Selain itu, karya-karya utama dalam Islam seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Jami' al-Tirmidhi*, *Sunan Ibn Majah*, *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir al-Qurtubi*, *Tafsir al-Sa'di* dan lain-lain telah dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji khususnya dalam menetapkan konsep dan asas amalan murah rezeki menurut perspektif Islam. Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan kaedah analisis dokumen, di mana pengkaji akan menilai dan menganalisis kredibiliti sumber dan status hukum bagi setiap amalan murah rezeki yang telah dikumpulkan dengan prinsip yang telah ditetap oleh Islam.

### Konsep Amalan Dalam Islam

Salah satu daripada sifat Islam adalah *al-waqi'iyyah* (praktikal). Di mana sifat ini menjelaskan bahawa Islam bukanlah sebuah agama teori semata, tetapi juga bersifat praktikal. Dalam al-Quran, seringkali ditemui gandingan antara ayat yang menceritakan berkisar keimanan dan amal salih. Iman dilihat sebagai sebuah elemen dalaman yang wujud dalam diri seorang Muslim. Namun, elemen ini sahaja tidak mencukupi, melainkan dengan pembuktian amal yang salih. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan hubung kait yang sangat erat antara kedua-dua elemen ini, sekaligus mengingatkan kepada semua Muslim tentang kepentingan kedua-duanya dalam kehidupan beragama mereka. Sebagai contoh di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانُوا لَهُمْ جَنَّاتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا

Surah al-Kahf (17): 107

Terjemahan: “Sesungguhnya orang yang beriman dan melakukan amalan-amalan soleh bagi mereka syurga Firdaus sebagai tempat tinggal”

Dalam ayat ini, Allah SWT dengan jelas menggambarkan kombinasi antara iman dan amal soleh sebagai syarat penghuni syurga Firdaus. Dalam menjelaskan ayat ini, al-Sa'di, turut menjelaskan bahawa penghuni syurga Firdaus adalah mereka yang beriman dengan hati mereka dan melakukan amalan soleh dengan anggota badan mereka.<sup>8</sup> Tambah al-Sa'di lagi, sifat ini merangkumi keseluruhan agama.<sup>9</sup> Dalam hal ini, Ibn Qayyim (m. 751 H) turut mengemukakan

<sup>8</sup> Al-Sa'di, 'Abd al-Rahman bin Nasir, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* (Riyadh: Maktabah al-'Abikan, 2001), 488.

<sup>9</sup> *Ibid.*

pandangan yang sama. Jelas beliau, sesiapa yang mengamati objektif dan sumber Syariah, pasti akan menemui kaitan erat antara amalan zahir dan amalan hati.<sup>10</sup> Tidak sempurna syariat sekiranya mengabaikan salah satu daripadanya. Amalan zahir yang dimaksudkan di sini adalah amalan soleh yang dilakukan dengan anggota badan seseorang, manakala amalan hati adalah keimanan yang utuh kepada Allah SWT.

Sebagaimana dijelaskan bahawa Islam sangat mementingkan amalan dalam kehidupan beragama seseorang Muslim. Amalan adalah salah satu daripada elemen pembuktian keimanan seseorang kepada Allah SWT. Amalan boleh dibahagikan kepada dua jenis. Iaitu amalan yang baik atau soleh dan amalan jahat atau buruk. Berdasarkan kepada nas-nas sama ada al-Quran dan hadith, kesemua amalan manusia akan dinilai dan dihitung oleh Allah SWT di akhirat kelak. Tiada satu amalan pun yang akan terlepas daripada penilaian dan hitungan Allah SWT. Hal ini dapat dilihat dengan jelas sebagaimana firman Allah SWT:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Surah al-Zalzalah (99): 7-8

Terjemahan: "Maka sesiapa yang melakukan amalan baik walau sebesar zarah akan diperlihatkan. Sesiapa yang melakukan amalan buruk walau sebesar zarah juga akan diperlihatkan."

Berdasarkan kepada ayat di atas, Allah SWT menjelaskan bahawa setiap amalan manusia sama ada baik atau jahat tetap akan dihitung oleh Allah SWT di akhirat kelak. Bahkan hitungan ini termasuk kepada mereka yang bukan Islam. Sehubungan daripada itu, al-Qurtubi (m. 671 H) menukilkan pandangan Ibn 'Abbas RA, di mana beliau berkata sesiapa dalam kalangan orang kafir yang melakukan kebaikan walau sebesar zarah akan diperlihatkan di dunia dan tidak diberikan pahala di akhirat. Tambah Ibn 'Abbas RA lagi, sesiapa dalam kalangan orang kafir yang melakukan kejahatan walau sebesar zarah, akan dihukum di akhirat kelak bersama dengan dosa kekufurannya. Bagaimanapun, sekiranya orang Mukmin melakukan kejahatan walau sebesar zarah akan diperlihatkan di dunia dan tidak akan dihukum di akhirat kelak. Sekiranya Mukmin itu melakukan amalan kebaikan walau sebesar zarah akan diterima oleh Allah SWT. Bahkan, digandakan lagi pahalanya oleh Allah SWT.<sup>11</sup> Selain daripada itu, al-Baghawi (m. 516 H) pula turut menukilkan perkataan Ibn 'Abbas RA di mana beliau berkata tidaklah orang mukmin atau kafir melakukan amalan baik atau buruk di dunia melainkan Allah SWT memperlihatkan kepadanya pada hari kiamat kelak. Jelas beliau lagi, orang Mukmin diperlihatkan kebaikan dan diberikan pahala ke atasnya. Manakala kejahatan pula akan diperlihatkan dan diberikan keampunan ke atasnya. Adapun orang Kafir, kebaikannya akan dibalas (di dunia) dan kejahatannya akan diazab oleh Allah SWT.<sup>12</sup> Dalam Islam, sememangnya dituntut untuk melakukan amalan yang soleh. Hal ini sangat jelas. Malah, Islam tidak membezakan antara jantina, sama ada lelaki atau perempuan. Kedua-duanya akan dilayan dan diberikan keistimewaan ganjaran yang sama tanpa sebarang prejudis. Ini dijelaskan oleh Allah SWT seperti berikut:

<sup>10</sup> Ibn Qayyim, Muhammad bin Abu Bakr bin Ayyub, *Tafsir al-Quran al-Karim*, ed. Ibrahim Ramadan, (Beirut: Dar wa Maktabah al-Hilal, 1989).

<sup>11</sup> Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, ed. Ahmad Barduni, (Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1964), 20: 150.

<sup>12</sup> Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud, *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*, ed. Muhammad 'Abd Allah al-Namr, (n.p: Dar Taybah, 1997), 8: 503.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَكُجُزِيَّتِهِمْ أَجْرُهُمْ  
بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Surah al-Nahl (16): 97

Terjemahan: “Sesiapa yang melakukan amalan saleh dari kalangan lelaki dan perempuan dan mereka beriman, maka Kami pasti akan hidupkan mereka dengan kehidupan yang baik. Pasti kami akan anugerahkan kepada mereka ganjaran dengan sebaik-baik amalan yang mereka kerjakan.”

Menurut Zaydan (2001), amalan soleh adalah amalan yang diredayai oleh Allah SWT. Ia merangkumi dua perkara asas iaitu amalan tersebut menepati Syariat dan tujuan amalan itu adalah mencari keredaan Allah SWT.<sup>13</sup> Seiring dengan pandangan ini, sarjana silam iaitu Fudail bin ‘Iyad (m. 187 H) pernah menjelaskan ketika ketika beliau mentafsirkan ayat berikut:

لِيَبْلُوكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً

Surah al-Mulk (67): 2

Terjemahan: “...untuk menguji kalian semua, siapakah yang paling baik amalannya”

Seseorang bertanya kepada Fudail bin ‘Iyad: “Wahai Abu ‘Ali, apakah yang dimaksudkan dengan *ahsanu ‘amalan* (sebaik-baik amalan). Jawab beliau: Amalan yang paling ikhlas dan paling tepat. Ditanya lagi kepada beliau: “Apa yang dimaksudkan dengan paling ikhlas dan tepat?”. Jawab beliau: “Sesungguhnya amalan apabila dilakukan dengan ikhlas, tetapi tidak tepat maka ia tidak diterima. Demikian, jika dilakukan dengan tepat, tetapi tidak ikhlas juga tidak akan diterima. Sehingga sesuatu amalan itu dilakukan dengan ikhlas dan tepat. Ditanya lagi kepada Fudail bin ‘Iyad: Wahai Abu ‘Ali, apakah amalan yang ikhlas dan tepat?” Jawab beliau: “Amalan yang ikhlas adalah apabila dilakukan kerana Allah dan tepat apabila dilakukan menepati sunnah”.<sup>14</sup>

### Amalan Murah Rezeki Menurut Perspektif Islam

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, rezeki boleh difahami sebagai segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk keperluan rohani dan jasmani, seperti makanan, ilmu, nyawa dan seumpama dengannya.<sup>15</sup> Perkataan rezeki dipercaya diambil daripada kalimah Arab iaitu *al-rizq*. Menurut Ibn Faris, *al-rizq* adalah kurniaan Allah SWT, contoh seperti dikatakan: “Allah SWT telah merezekikan (mengurniakan) rezeki”.<sup>16</sup> Perkataan daripada kalimah ini mencecah sebanyak 123 kali, iaitu 61 kali dalam bentuk *fi’l* dan 62 kali dalam bentuk *isim*.<sup>17</sup> Kalimah ini juga ditemui dalam 41 buah surah di dalam al-Quran.<sup>18</sup>

<sup>13</sup> Zaydan, ‘Abd al-Karim, *Usul Dakwah*, (n.p: Mu’assasah al-Risalah, 2001), 39.

<sup>14</sup> Ibn Qayyim, *Tafsir al-Quran al-Karim*, 78.

<sup>15</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, Rezeki, DBP Online, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rezeki> diakses pada 28 Dis 2024.

<sup>16</sup> Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariya, *Mu’jam Maqayis al-Lughah*, ed. ‘Abd al-Salam Muhammad Harun, (n.p: Dar al-Fikr, 1979), 2: 388.

<sup>17</sup> Basri Mahmud & Hamzah, Membuka Pintu Rezeki Dalam Perspektif al-Qur'an, *Al-Quds: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 4(2)(2020): 467-480.

<sup>18</sup> *Ibid.*

Rezeki adalah sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bagi setiap manusia sejak dalam kandungan lagi. Hal ini berdasarkan kepada hadith Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

أَنَّ خَلْقَ أَخْدِكُمْ يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا وَأَرْبَعِينَ لَيْلَةً، ثُمَّ يَكُونُ عَلَفَةً مِثْلَهُ، ثُمَّ يَكُونُ  
مُضْعَهً مِثْلَهُ، ثُمَّ يُبَعَثُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ، فَيُؤْدَنُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ، فَيُكْتَبُ :رِزْقُهُ، وَاجْلَهُ، وَعَمَلُهُ،  
وَشَقِّيُّهُ أَمْ سَعِيدٌ

Terjemahan: “Sesungguhnya setiap kamu dikumpulkan penciptaannya di perut ibunya selama empat puluh hari dan malam, kemudian berubah menjadi sekutul darah selama itu (empat puluh hari), kemudian menjadi segumpal daging selama itu (empat puluh hari). Kemudian diutus kepadanya malaikat untuk ditiupkan kepadanya roh dan (Malaikat) diperintahkan untuk menetapkan empat perkara: Menetapkan rezekinya, ajalnya, amalnya dan kesudahannya sama ada derita atau bahagia...”<sup>19</sup>

Dalam hadith ini, jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah menetapkan rezeki seseorang itu sejak dalam kandungan lagi. Malah, seseorang itu tidak akan meninggal dunia, sehinggalah rezeki yang ditetapkan kepadanya telah dicukupkan. Ini berdasarkan kepada hadith Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ وَاجْمِلُوا فِي الْطَّلْبِ فَإِنَّ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتُوْنَ رِزْقَهَا ...

Terjemahan: “Wahai manusia, bertakwalah kepada Allah, dan perlakukanlah dalam pencarian rezeki. Sesungguhnya jiwa itu tidak akan mati sehingga masih disempurnakan rezekinya...”<sup>20</sup>

Bagaimanapun, konsep rezeki perlu difahami dalam konteks yang luas. Rezeki tidak sekadar ditafsirkan dengan harta sahaja. Malah, setiap kurniaan Allah SWT berupa harta, umur, kesihatan, keluarga, anak pinak dan seumpama dengannya adalah tergolong dalam konsep rezeki yang dijanjikan oleh Allah SWT. Sehubungan daripada itu, menurut al-Asfahani, rezeki itu adalah kurniaan (daripada Allah) dan kadang-kadang ia bersifat duniawi dan ukhrawi.<sup>21</sup> Seiring dengan pandangan ini, Tasnim turut menjelaskan bahawa rezeki terbahagi kepada dua, iaitu rezeki yang bersifat fizikal dan *non* fizikal. Jelas Tasnim lagi, rezeki yang bersifat fizikal adalah seperti makanan, harta, hak milik, nafkah dan seumpamanya. Manakala rezeki yang tidak fizikal adalah seperti kekuasaan, ilmu pengetahuan dan lain-lain.<sup>22</sup> Bagi lebih jelas, beberapa contoh daripada ayat al-Quran yang menggunakan kalimah رزق dengan makna yang pelbagai. Antaranya, adalah seperti firman Allah SWT seperti berikut:

<sup>19</sup> Hadith riwayat al-Bukhari dalam Sahihnya, Kitab al-Tauhid, Bab Qauluhu Ta’ala wa Laqad Sabaqat Kalimatuna li ‘Ibadina al-Mursalin, no. hadith: 7454. Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin Isma’il, *al-Jami’ al-Saḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanīh wa Ayyamīh*, ed. Jama’ah min al-‘Ulama’, (Beirut: Dar Tauq al-Najah, 2001), 9: 135.

<sup>20</sup> Hadith riwayat Ibn Majah dalam Sunannya. Kitab al-Tijarat, Bab al-Iqtisad fi Talab al-Ma’isyah, no. hadith: 2144. Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, ed. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi (n.p: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, n.d) 2: 725.

<sup>21</sup> Al-Asfahani, al-Raghib. *Mufradat fi Gharib al-Quran*, ed. Safwan ‘Adnan al-Dawudi (Beirut: Dar al-Qalam, 1991), 351.

<sup>22</sup> Tasnim, *Rezeki dan Anugerah Setelah Menikah Menurut Perspektif al-Quran* (Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, 2022), 19.

وَأَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ

Surah al-Munafiqun (63): 10

Terjemahan: “Dan hendaklah mereka menginfakkan daripada apa yang telah kami rezekikan kepada kalian sebelum datangnya kematian kepada kalian...”

Jelas al-Asfahani, maksud dalam ayat di atas adalah rezeki berbentuk harta, kedudukan dan ilmu.<sup>23</sup> Dalam erti kata yang lain, Allah SWT memerintahkan agar mengeluarkan infak terhadap apa yang telah diberikan oleh Allah kepada manusia, berupa harta, kedudukan atau jawatan dan ilmu pengetahuan. Selain daripada itu, maksud lain rezeki yang didapati di dalam al-Quran adalah seperti firman Allah SWT yang berbunyi:

وَلَا تَحْسِنَ النَّذِينَ قُتُلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

Surah Ali ‘Imran (3): 169

Terjemahan: “Jangan sesekali kalian menyangka bahawa orang yang dibunuhi di jalan Allah itu mati. Bahkan, mereka hidup di sisi Tuhan mereka diberikan rezeki”

Dalam ayat ini, jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memberikan rezeki kepada mereka yang terbunuuh di jalanNya. Rezeki yang dimaksudkan di sini adalah kenikmatan akhirat.<sup>24</sup> Senada pandangan ini, al-Sa’di menjelaskan bahawa rezeki yang diberikan adalah daripada jenis-jenis kenikmatan yang tidak diketahui bentuknya melainkan mereka yang menerima nikmat tersebut.<sup>25</sup> Berdasarkan kepada beberapa tafsiran di atas, jelas menunjukkan bahawa maksud rezeki tidak terhadap kepada harta benda sahaja, bahkan ia merangkumi pelbagai aspek sama ada berbentuk fizikal atau *non-fizikal*. Sehubungan itu, Basri & Hamzah, berkata bahawa kata rezeki dalam al-Quran dengal pelbagai redaksi memiliki pelbagai makna dan ia merupakan anugerah Allah SWT kepada makhluk-Nya.<sup>26</sup>

### Amalan-amalan Menjemput Rezeki Menurut al-Quran dan al-Sunnah

Apabila menelusuri teks sama ada al-Quran dan al-Sunnah, di dapat bahawa terdapat pelbagai amalan yang ditunjukkan untuk menjemput atau membuka pintu rezeki seseorang itu. Amalan-amalan tersebut adalah seperti berikut:

#### [1] Istighfar dan Taubat

Perkataan istighfar adalah daripada kalimah غفران – يغفر – *ghafaran* yang membawa maksud pakaian yang bersih dari kekotoran.<sup>27</sup> Al-Nawawi pula menjelaskan bahawa kalimah *ghafara* asalnya adalah *al-sitr* yang bermaksud menutupi. Selain daripada itu, kalimah ini juga bermaksud mengampuni dan memaafkan.<sup>28</sup> Manakala kalimah *ghufran* atau *maghfirah*

<sup>23</sup> Al-Asfahani, *Mufradat fi Gharib al-Quran*, 351.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Al-Sa’di, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 156.

<sup>26</sup> Basri Mahmud & Hamzah, *Membuka Pintu Rezeki Dalam Perspektif al-Qur'an*, 467-480.

<sup>27</sup> Al-Asfahani, *Mufradat fi Gharib al-Quran*, 609.

<sup>28</sup> M Syahar Ma’rif, Keutamaan Istighfar: Kandungan Makna Istighfar Terhadap Hadits Riwayat Ibn Majah, *Jurnal al-Adabiya*, 14(2)(2019): 240-260.

bermaksud pengampunan daripada Allah SWT.<sup>29</sup> Kalimah استغفر bermaksud *talab al-maghfirah* iaitu memohon *maghfirah* atau keampunan. Menurut al-Asfahani bahawa kalimah istighfar adalah meminta keampunan melalui ucapan dan perbuatan, kerana istighfar yang tidak disertai perbuatan yang baik adalah termasuk amalan mereka yang berdusta.<sup>30</sup>

Istighfar atau memohon ampun kepada Allah SWT merupakan antara amalan yang boleh menjemput rezeki. Dalam al-Quran, Allah SWT rakamkan perkataan Nabi Nuh AS kepada kaumnya berkenaan istighfar dan sekaligus menjadi penyebab kepada limpahan rezeki dari Allah SWT:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَارًا \* يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا \* وَيُمْدِدُكُمْ بِأَمْوَالٍ  
وَبَنِينَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَنْهَارًا

Surah Nuh(71): 10-12

Terjemahan: “Justeru, aku telah berkata: Mohonlah ampun kepada tuhan kalian, sesungguhnya Dia Maha Pengampun. (Akan) dilimpahkan air hujan yang deras dari langit kepada kalian. (Akan) ditambah harta dan anak pinak, dan diberikan kepada kalian kebun-kebun dan sungai-sungai yang mengalir”

Ayat di atas menjelaskan tentang peringatan Nabi Nuh AS kepada kaumnya untuk istighfar dan bertaubat kepada Allah SWT. Menurut Ibn Kathir (m. 774 H), ayat di atas menjelaskan bahawa sekiranya kalian (umat Nabi Nuh AS) bertaubat kepada Allah SWT, memohon keampunan dan mentaati-Nya, Allah akan membanyakkan rezeki kepada kalian.<sup>31</sup> Allah SWT juga akan memberi minuman dari keberkatan langit, menghidupkan tumbuh-tumbuhan dan membanyakkan harta benda dan anak pinak.<sup>32</sup> Seiring dengan ayat ini, Allah SWT turut rakamkan pesanan Nabi Hud AS kepada kaumnya seperti berikut:

وَيَا قَوْمَ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَرِدُكُمْ قُوَّةً إِلَى  
فُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مُجْرِمِينَ

Surah Hud (11): 52

Terjemahan: “...wahai kaumku, mohonlah keampunan kepada Tuhanmu, kemudian bertaubatlah kepada-Nya, nescaya Dia akan turunkan hujan yang sangat deras ke atasamu dan Dia akan menambahkan kekuatan di atas kekuatanmu. Janganlah kamu berpaling dengan berbuat dosa”

Nabi Hud AS turut memberikan peringatan yang hampir sama dengan peringatan yang telah diberikan oleh Nabi Nuh AS. Jelas al-Sa'di, Nabi Hud AS mengingatkan kepada kaumnya, agar memohon keampunan dengan bertaubat kepada Allah SWT terhadap apa yang telah dilakukan.<sup>33</sup> Sekiranya melakukan demikian, Allah SWT akan turunkan hujan yang banyak sehingga menyuburkan bumi dan memperbanyak kebaikannya. Bahkan, Allah menjanjikan

<sup>29</sup> Abd. Halik., et.al, Istighfar Sebagai Pemecah Segala Permasalahan (Penafsiran Ayat al-Qur'an Tentang Istighfar), *Jurnal Ahsana Media*, 8(2)(2022): 177-186.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Ismail bin ‘Umar, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, ed. Muhammad Husayn, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1998), 8: 246.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Al-Sa'di, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 889.

menambah kekuatan-kekuatan mereka.<sup>34</sup> Daripada kedua-dua ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa istighfar merupakan antara amalan yang boleh menjemput rezeki daripada Allah SWT.

## [2] Menyambung Hubungan Silaturahim

Menyambung silaturahim merupakan antara amalan yang digalakkan dalam agama untuk menjemput rezeki. Perkataan silaturahim adalah terbina dari dua kalimah Arab, iaitu *silah* dan *al-rahm*. *Silah* bermaksud hubungan atau yang menghubungkan, manakala *al-rahm* pula bermaksud kekerabatan. Sehubungan daripada itu, maksud silaturahim boleh difahami sebagai menyambung tali persaudaraan atau kekerabatan yang memiliki pertalian darah. Jelas al-Nawawi (m. 676 H), silaturahim bermaksud melakukan ihsan kepada kaum kerabat (yang mempunyai pertalian darah) dengan mengambil kira keadaan individu tersebut. Justeru, ihsan kepada mereka kadangkala berlaku dengan harta, sumbang bakti, ziarah, memberi dan menjawab salam dan seumpamanya.

Islam memerintahkan agar umatnya memelihara dan menjaga silaturahim. Hubungan silaturahim tidak boleh diputuskan kerana ia telah terjalin menerusi pertalian darah dan keturunan. Dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan agar memelihara silaturahim dan jangan memutuskannya. Firman Allah SWT seperti berikut:

فَهُلْ عَسِيْتُمْ إِنْ تَوَيَّبُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقْطِعُوا أَرْحَامَكُمْ \* أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعْنُهُمْ  
اللَّهُ فَأَصْمَمَهُمْ وَأَعْنَى أَبْصَارَهُمْ

Surah Muhammad (47): 22-23

Terjemahan: “Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhawatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat?, (Orang-orang yang melakukan perkara yang tersebut) mereka lah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya”.

Menurut al-Qurtubi, kalimah *rahim* dari perkataan *arhamakum* dalam ayat di atas membawa maksud umum dan khusus.<sup>35</sup> Bagi maksud umum adalah saudara sesama Islam dan menjadi kewajipan ke atas mereka untuk menyambung silaturahim dengan berkasih sayang, tolong menolong, nasihat menasihati, berlaku adil dan sebagainya. Manakala makna khusus adalah kaum kerabat yang memiliki pertalian darah dari sebelah ibu dan ayah.<sup>36</sup> Menurut al-Qurtubi lagi, wajib keatas mereka untuk menunaikan hak yang khusus seperti memberi nafkah (sesuai dengan keadaan dan kemampuan mereka) dan tidak lalai terhadap janji ketika mereka diperlukan.<sup>37</sup> Rasulullah SAW menjelaskan kepentingan menyambung silaturahim ini sehingga Baginda mengaitkannya dengan keimanan kepada Allah SWT. Sebagaimana sabda Baginda:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلِيصلِّ رَحْمَةً

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, ed. Ahmad Barduni (Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1964), 16: 248.

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> Ibid.

Terjemahan: "...Sesiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari aakhirat, maka hendaklah dia menyambung silaturahim."<sup>38</sup>

Sebagaimana dijelaskan bahawa silaturahim merupakan salah satu daripada amalan yang dianjurkan dalam Islam untuk menjemput rezeki. Hal ini sangat jelas sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبَسِّطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ ، وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثْرِهِ ، فَلْيَصِلْ رَحْمَةً

Terjemahan: "Siapa yang gemar untuk dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung silaturahim."<sup>39</sup>

Dalam riwayat yang lain, Ibn 'Umar RA pernah berkata:

مَنْ اتَّقَى رَبَّهُ ، وَوَصَلَ رَحْمَةً ، نُسِيَّ إِنْ فِي أَجْلِهِ وَثَرَى مَالَهُ ، وَاحْبَبَ أَهْلَهُ

Terjemahan: "Siapa yang bertakwa kepada Tuhan dan menyambung silaturahim, nescaya umurnya akan dipanjangkan, hartanya akan dibanyakkan, dan keluarganya akan menyukainya."<sup>40</sup>

Menyambung silaturahim mendapat jaminan daripada Rasulullah SAW untuk diluaskan rezeki mereka. Setiap orang yang beriman kepada Allah SWT wajib untuk meyakini hal ini. Bagaimanapun, dari sudut kaitan, penulis melihat terdapat hubungan yang sangat erat antara amalan menyambung silaturahim dengan keluasan rezeki daripada Allah SWT. Kebiasaannya, mereka yang suka menyambung silaturahim akan memiliki hubungan yang baik sesama kaum kerabat dan secara tidak langsung menambah perasaan kasih sayang sesama mereka. Hubungan kasih sayang inilah yang menjadikan perasan untuk sentiasa bersama, membantu apabila antara mereka mengalami kesusahan dan sebagainya. Bahkan, sekiranya terdapat tawaran-tawaran kerja atau sebagainya, kaum kerabat akan diutamakan terlebih dahulu, kerana hubungan baik dan kasih sayang yang telah terjalin antara mereka.

### [3] Takwa kepada Allah

Kalimah takwa berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud menjaga diri atau berhati-hati.<sup>41</sup> Menurut al-Raghib al-Asfahani, takwa bermaksud menjaga diri daripada perbuatan yang membuatkan pelakunya berdosa.<sup>42</sup> Jelas al-Jurjani pula, takwa adalah menjaga diri daripada azab seksa Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya. Berdasarkan kepada penjelasan yang telah diberikan di atas, jelas menunjukkan bahawa takwa adalah perasan takut yang terbit dalam hati seorang Muslim sehingga membawa dirinya untuk mentaati setiap perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.

<sup>38</sup> Hadith riwayat al-Bukhari dalam Sahihnya. Kitab al-Adab, Bab Ikram al-Daif wa Khidmatuh Iyyah bi Nafsih, no. hadith: 6138. Al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahiḥ al-Mukhtaṣar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanīh wa Ayyamīh*, 8: 32.

<sup>39</sup> Hadith riwayat al-Bukhari dalam Sahihnya. Kitab al-Adab, Bab Man Basata lahu fi al-Rizq bi Silah al-Rahm, no. hadith: 5985. *Ibid.*, 8: 5.

<sup>40</sup> Hadith riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad. Bab Man Wasala Rahimah Ahabbahu Ahluh, no. hadith: 58. Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muḥammad bin Isma'il, *Al-Adab al-Mufrad*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (Kaherah: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, 1968), 34.

<sup>41</sup> Ibn Manzur, Jamaluddin, *Lisan al-'Arab*, ed. Muhammad bin Mukarram (Beirut: Dar Sadir, 1994)

<sup>42</sup> Al-Asfahani, *Mufradat fi Gharib al-Quran*, 881.

Takwa adalah salah satu penyebab rezeki seseorang itu dilancarkan oleh Allah SWT. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa dalil daripada al-Quran dan hadith. Antaranya adalah seperti firman Allah SWT seperti berikut:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ مُخْرَجًا وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Surah al-Talaq (65): 2-3

Terjemahan: “*Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, niscaya Dia akan memberikan kepadanya jalan keluar dan memberikannya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Sesiapa yang bertawakkal kepada Allah, niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya.*”

Menurut Ibn Kathir, sesiapa yang bertakwa kepada Allah SWT iaitu dengan melakukan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang, pasti Allah SWT memberikan kepadanya jalan keluar serta rezeki yang tidak disangka-sangka, iaitu rezeki yang tidak pernah terlintas di fikirannya.<sup>43</sup> Jelas al-Sa’di, maksud firman Allah SWT “dan (Dia) memberikannya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka” adalah Allah SWT memudahkan rezeki bagi orang yang bertakwa dari arah yang tidak disangka-sangka dan tidak disedari olehnya.<sup>44</sup> Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman seperti berikut:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْفُرْقَىٰ آمَنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Surah al-A’raf (7): 96

Terjemahan: “...*Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami akan membuka kepada mereka keberkatan yang melimpah ruah dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

Ibn Kathir dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat yang berbunyi “...*sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa...*” bermaksud hati mereka beriman dan membenarkan apa yang dibawa oleh para Rasul, lalu mereka mengikutinya dan bertakwa dengan mentaati dan meninggalkan larangannya.<sup>45</sup> Tambah Ibn Kathir lagi, ayat yang berbunyi “...*kami akan membuka kepada mereka keberkatan yang melimpah ruah dari langit dan bumi...*” adalah hujan dan tumbuh-tumbuhan dari bumi.<sup>46</sup> Dalam ayat ini sangat jelas menunjukkan bahawa takwa dan keimanan menyebabkan Allah SWT akan memberikan kebaikan yang melimpah ruah kepada pemiliknya. Bahkan kebaikan yang dimaksudkan di sini adalah air hujan dan tumbuh-tumbuhan di mana unsur ini merupakan perkara asas dan sangat diperlukan oleh manusia untuk menjalani kehidupan di dunia.

Berdasarkan kepada dua ayat dan penjelasan daripada para sarjana yang dibawakan di atas menunjukkan bahawa takwa adalah salah satu daripada penyebab Allah SWT bukukan rezeki untuk pemiliknya.

<sup>43</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 8: 168.

<sup>44</sup> Al-Sa’di, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 870.

<sup>45</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 3: 404.

<sup>46</sup> *Ibid.*

#### [4] Banyak Berdoa

Dari sudut bahasa doa adalah permohonan. Dari sudut syarak, doa adalah permohonan seorang hamba kepada Allah SWT terhadap apa yang dihajatinya bagi keperluan agama dan akhiratnya. Doa adalah sesuatu yang sangat dituntut dalam Islam. Sesuai dengan fitrah seorang manusia yang lemah, doa menunjukkan kebergantungan manusia kepada Allah SWT. Bahkan, Allah SWT menggalakkan permohonan doa daripada manusia sehingga Dia memberi jaminan bahawa permohonan tersebut akan diterima. Ini dapat dilihat dengan sangat jelas dalam beberapa ayat dalam al-Quran, antaranya seperti berikut:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دُعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلَيْسَتْ حِبْيُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي  
لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ

Surah al-Baqarah (2): 186

Terjemahan: "...dan apabila hambaKu bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentangKu, sesungguhnya Aku dekat. Aku membulatkan doa orang yang berdoa. Maka pohonlah kepadaku dan berimanlah denganKu, mudah-mudahan mereka diberi petunjuk"

Merujuk kepada perbincangan berkenaan rezeki, doa merupakan antara amalan yang dituntut untuk dilakukan bagi membuka pintu rezeki. Terdapat beberapa doa yang dianjurkan untuk dibaca bagi melancarkan rezeki. Antaranya adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا

Terjemahan: "Wahai Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang halal dan amal yang diterima."<sup>47</sup>

Doa yang lain yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ اكْفُنِي بِحَلَالِكَ وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Terjemahan: "Ya Allah cukupkanlah aku dengan yang halal dan jauhkanlah aku dari yang haram, dan cukupkanlah aku dengan kurniaan-Mu dari bergantung pada selain-Mu."<sup>48</sup>

Selain daripada itu juga, di dalam soat turut diajarkan beberapa bacaan yang mengandungi di dalamnya permohonan dilimpahkan rezeki. Iaitu antaranya adalah seperti berikut:

كَانَ الرَّجُلُ إِذَا أَسْلَمَ عَلَمَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ ثُمَّ أَمْرَهُ أَنْ يَدْعُو بِهَؤُلَاءِ  
الْكَلِمَاتِ :اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي

Terjemahan: Seorang lelaki apabila memeluk Islam, Nabi SAW akan mengajarkannya solat. Kemudian Baginda mengarahkan beliau untuk berdoa

<sup>47</sup> Hadith riwayat Ibn Majah dalam Sunannya. Kitab Iqamah al-Salah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Yuqal Ba'd al-Taslim, no. hadith: 965. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 1: 298.

<sup>48</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhi dalam Jami'nya. Bab Abwab al-Da'awat, no. hadith: 3563. Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Ahmad Muhammad Syakir (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1985), 5: 560.

dengan beberapa kalimah: "Wahai Allah, ampunilah aku, rahmatilah aku, berilah hidayah kepadaku, berikan kesihatan kepadaku dan berilah rezeki kepadaku."<sup>49</sup>

Doa-doa yang dijelaskan di atas merupakan antara doa yang sangat dituntut untuk dibaca oleh seorang hamba kepada Allah SWT. Justeru, perbanyakkan doa seperti ini menjadi salah satu daripada sebab untuk dilancarkan rezeki oleh Allah SWT. Bersesuaian dengan janji Allah bahawa doa akan dikabulkan sebagaimana telah dijelaskan di atas.

### **Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum bagi Amalan Murah Rezeki yang Tular Dalam Internet**

Amalan murah rezeki merujuk kepada perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh seseorang yang bertujuan untuk mendapatkan rezeki yang halal dan berkat. Terdapat beberapa amalan murah rezeki yang ditemui disiarkan di dalam internet, iaitu seperti berikut:

#### **1) Amalan 1<sup>50</sup>**



#### **Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum:**

Bacaan ini merupakan doa yang dituturkan oleh Nabi Musa AS memohon kepada Allah SWT kebaikan daripada Allah SWT. Iaitu ketika Baginda AS berada dalam saat getir berada di negeri Madyan melarikan diri daripada tentera Fir'aun. Doa ini disebut dalam surah al-Qasas ayat 23 hingga 24 seperti berikut:

<sup>49</sup> Hadith riwayat Muslim dalam Sahihnya. Kitab al-Dhikr wa al-Du'a wa al-Taubah wa al-Istighfar, Bab Fadl al-Tahlil wa al-Tasbih wa al-Du'a, no. hadith: 2697. Muslim, Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi, 1955), 4: 2073.

<sup>50</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Doa Nabi Musa AS (Memohon Limpahan Rezeki)*, Facebook, <https://www.facebook.com/MyJAKIMmalaysia/posts/doa-nabi-musa-as-memohon-limpahan-rezeki%D8%B1%D9%8E%D8%A8%D9%91%D9%90-%D8%A5%D9%90%D9%86%D9%91%D9%90%D9%8A-%D9%84%D9%90%D9%85%D9%8E%D8%A2-%D8%A3%D9%8E%D9%86%D9%92%D8%B2%D9%8E%D9%84%D9%92%D8%AA%D9%8E-%D8%A5%D9%90%D9%84%D9%8E%D9%8A%D9%91%D9%8E-%D9%85%D9%90/4361750680542134/>, diakses pada 4 Disember 2024.

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ الْأَنَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمُ اُمَّرَاتٍ تَنْدُوَانِ قَالَ مَا حَظُّكُمْ مَا قَالُتُمْ لَا نَسْقِي حَتَّىٰ يُصْدِرَ الرِّعَاءُ وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ فَسَقَى لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّ إِلَى الْقِيلِ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ

Surah al-Qasas (28): 23-24

Terjemahan: *Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing), dan ia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. dia bertanya: "Apa hal kamu berdua?" Mereka menjawab: "Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya "(23) Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian ia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan."*

Ayat di atas adalah bersumberkan daripada al-Quran. Bagaimanapun, penulis tidak menemui mana-mana riwayat menjelaskan bahawa ia adalah bacaan yang dianjurkan secara khusus untuk menjemput atau murah rezeki. Sekalipun begitu, ia tidak menjadi penghalang untuk mana-mana manusia untuk membacanya secara umum tanpa mengaitkan dengan sebarang kelebihan atau *kaifiyat* secara khusus sebagai amalan murah rezeki. Malah, ia termasuk dalam bacaan doa yang dipetik dari ayat al-Quran untuk memperoleh kebaikan dalam kehidupan manusia secara umum dan ini termasuklah rezeki daripada Allah SWT. *Wallahu a'alam.*

## 2) Amalan <sup>251</sup>

### Doa murah rezeki

Keretakan rumah tangga boleh berlaku akibat kekurangan wang. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, baca surah al-Mai'dah ayat 114 agar sentiasa dimurahkan rezeki.

قَالَ عَيْسَى ابْنُ مَرْيَمَ اللَّهُمَّ رَبِّنَا أَنْزُلْنَا مَبِيدَةً فَنَّ السَّمَاءُ وَتَلَكُمْ وَلَنَا وَأَجْرَنَا وَآتَنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرِّزْقِ  
يُنْ

Maksudnya: "Ya Tuhan kami, turunkanlah kepada kami hidangan dari langit (pada hari ia turun) menjadi hari raya bagi kami, iaitu orang-orang yang bersama kami, dan orang-orang yang datang sesudah kami, dan menjadi tanda bagi kekuasaan-Mu. Berikanlah kami, dan Engkau lah pemberi rezeki."

### Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum:

Amalan di atas merupakan petikan ayat al-Quran yang merupakan doa dituturkan oleh Nabi 'Isa AS memohon kepada Allah SWT untuk diturunkan kepada Baginda hidangan dari langit.

<sup>251</sup> Suphian Ismail, Doa Murah Rezeki, Facebook, <https://www.facebook.com/share/p/1HbHZMaw7m/> diakses pada 4 Disember 2024.

Baginda memohon agar hidangan tersebut menjadi santapan diri dan pengikutnya serta sebagai bukti kekuasaan Allah SWT.

قَالَ عِيسَىٰ ابْنُ مَرْيَمَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَنْزَلْتَ عَلَيْنَا مَا إِدَةٌ مِّنَ السَّمَاءِ تَكُونُ لَنَا عِيدًا لِأَوْلَانَا وَإِخْرَانَا  
وَعَاءَةٌ مِنْكَ وَأَرْزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّزِيقِينَ

Surah al-Maidah (5): 114

Terjemahan: *Isa ibni Maryam (pun berdoalah ke hadrat Allah dengan) berkata: Ya Allah, Tuhan kami! Turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripadamu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaanMu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi rezeki."*

Ayat di atas adalah bersumberkan daripada ayat al-Quran. Bagaimanapun, penulis sekali lagi tidak menemui secara khusus mana-mana riwayat menjelaskan bahawa doa ini adalah amalan murah rezeki secara khusus. Namun begitu, tiada halangan untuk mana-mana manusia untuk membacanya kerana ia sebahagian daripada ayat al-Quran, sekaligus doa yang dituturkan oleh Nabi 'Isa AS untuk memperoleh rezeki daripada Allah SWT, dengan syarat tidak mengaitkan dengan sebarang kelebihan atau *kaifiyat* tertentu. *Wallahu a'lam*.

### 3) Amalan 3<sup>52</sup>

Baca 7 Kali Surah ini  
Selesai Solat, Dijamin  
Allah Melepaskan  
Kesusahanmu Dan  
Melancarkan Rezekimu



#### Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum:

Ayat di atas adalah bersumberkan daripada ayat al-Quran, iaitu surah al-Insyirah ayat 1-8. Bagaimanapun, dalam petikan di atas, didapati bahawa terdapat kaifiat khusus iaitu membaca selepas usai solat sebanyak tujuh kali. Sepanjang penelitian penulis, tidak menemui mana-mana riwayat yang sahih menjelaskan amalan ini seperti yang dijelaskan di atas. Malah, bacaan dan zikir selepas solat yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang terkandung di dalam hadith-hadith yang sahih seperti *istighfar*, *tasbih*, *tahmid*, *takbir* dan *tahlil* serta

<sup>52</sup> Kuliah Agama Ustaz & Ustazah, Surah Ringkas yang Banyak Manfaat Untuk Kehidupan, Facebook. <https://www.facebook.com/739064092966742/photos/a.739086072964544/1450516848488126/?type=3> diakses pada 4 Disember 2024.

bacaan-bacaan yang lain dan *kaifiat* tertentu lebih berhak untuk diamalkan berbanding amalan di atas. *Wallahu a'lam*.

#### 4) Amalan 4<sup>53</sup>



#### Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum:

Petikan di atas dilihat sebagai salah satu daripada bentuk doa memohon dikurniakan rezeki kepada Allah SWT. Sepintas lalu, doa di atas dilihat sebagai salah satu daripada bentuk iqtibas daripada Surah *al-Dhariyat* ayat 58 seperti berikut:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمُتَّبِينُ

Surah al-Dhariyat (51): 58

Terjemahan: Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.”

Sekalipun begitu, dari sudut kredibiliti sumber, penulis tidak menemui mana-mana riwayat menjelaskan perihal doa dengan *kaifiat* yang dijelaskan, iaitu dibaca ketika keluarkan duit dari dompet. Bagaimanapun, mana-mana manusia boleh berdoa dengan doa di atas tanpa mengaitkan dengan sebarang kelebihan atau *kaifiat* tertentu. Ini kerana ia termasuk dalam keumuman anjuran utuk berdoa kepada Allah SWT. Malah salah satu daripada adab yang diajarkan ketika berdoa adalah menyebut nama-nama Allah yang Maha Mulia. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا

Surah al-A'raf (7): 180

<sup>53</sup>Norsurianaabdulka, Doa Setiap Kali Keluarkan Duit dari Dompet, Tiktok, <https://www.tiktok.com/@norsurianaabdulka/video/7379393881483332865> diakses pada 4 Disember 2024.

Terjemahan: "Bagi Allah itu nama-nama yang Maha indah. Justeru berdoalah dengannya (menyebut nama-namaNya)."

### 5) Amalan 5<sup>54</sup>

Membaca Surah al-Fath ayat 1, diulang sebanyak sembilan kali dalam sehari. Ayat tersebut adalah seperti berikut:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا

#### Analisis Kredibiliti Sumber dan Status Hukum

Ayat di atas adalah bersumberkan daripada al-Quran, iaitu Surah *al-Fath* seperti berikut:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا

Surah al-Fath (48): 1

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata."

Dari sudut kredibiliti sumber, penulis tidak menemui mana-mana riwayat yang sahih menjelaskan ayat di atas secara khusus sebagai amalan murah rezeki dan termasuk *kaifiat* yang dijelaskan di atas. Bagaimanapun, seperti juga beberapa penjelasan lain di atas, manusia tidak dihalang untuk membaca ayat ini, dengan syarat tidak mengaitkan dengan sebarang kelebihan tertentu dan *kaifiat* yang khusus, kerana ia termasuk dalam keumuman galakan membaca al-Quran. *Wallahu a'lam*.

## Kesimpulan

Melihat kepada perbincangan yang telah dipaparkan di atas, menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima amalan murah rezeki yang ditemui tular di dalam internet. Penulis tidak menafikan masih banyak lagi amalan-amalan lain yang tular dan tidak dimasukkan di dalam penulisan ini. Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan terhadap kelima-lima amalan ini, didapati bahawa kabanyakannya adalah berbentuk ayat al-Quran dan doa. Malah, paparan di atas hanya menjelaskan secara umum sahaja amalan tersebut, tanpa mengaitkan dengan sumber-sumber tertentu. Sehubungan daripada itu, sekiranya setiap amalan-amalan ini dinilai dari neraca kredibiliti sumber, maka setakat pencarian penulis, kesemua amalan ini tidak ditemui bersumberkan daripada mana-mana riwayat yang sahih. Justeru, setiap amalan-amalan di atas tidak boleh disandarkan kepada mana-mana sumber periwayatan. Meskipun begitu, sekiranya untuk diamalkan secara umum bacaan dan doa tersebut dibenarkan kerana termasuk keumuman membaca al-Quran dan doa. Tetapi dengan syarat tidak menetap sebarang kelebihan dan *kaifiat* tertentu melalui amalan-amalan tersebut. Ini kerana kelebihan dan *kaifiat* tertentu bagi sesuatu amalan perlu disokong oleh nas-nas agama yang berautoriti. Kajian ini secara tidak langsung memberi peringatan kepada masyarakat supaya lebih berhati-hati untuk menerima dan menyebarkan sesuatu amalan di dalam Islam, khususnya amalan murah rezeki. Kajian ini juga sekaligus memberi panduan kepada masyarakat untuk melaksanakan amalan

<sup>54</sup>Nilhanrainydays, Doa Rezeki Mudah dan Lancar Surah al Fath ayat 1, Tiktok, <https://www.tiktok.com/@nilhanrainydays/video/7329760417390054663?lang=en> diakses pada 4 Disember 2024

murah rezeki yang sahih dan lebih berautoriti menurut perspektif Islam. Selain daripada itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan berkaitan amalan-amalan lain seperti amalan tolak bala, amalan doa makbul dan lain-lain amalan yang tular di internet turut dilaksanakan. Kajian seperti ini sangat signifikan memandangkan begitu banyak amalan-amalan yang tular di internet pada hari ini tidak dinyatakan kredibiliti sumber dan status hukum secara jelas.

## Rujukan

- Abd. Halik., et.al, *Istighfar Sebagai Pemecah Segala Permasalahan (Penafsiran Ayat al-Qur'an Tentang Istighfar)*, Jurnal Ahsana Media, 8(2)(2022): 177-186.
- Al-Asfahani, al-Raghib. *Mufradat fi Gharib al-Quran*, ed. Safwan 'Adnan al-Dawudi. Bayrut: Dar al-Qalam, 1991.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud, *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*, ed. Muhammad 'Abd Allah al-Namr, n.p: Dar Taybah, 1997.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammed bin Isma'il, *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtaṣar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanah wa Ayyamih*, ed. Jama'ah min al-'Ulama', Beirut: Dar Tauq al-Najah, 2001.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammed bin Isma'il, *Al-Adab al-Mufrad*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Kaherah: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, 1968.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, ed. Ahmad Barduni, Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1964.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad, *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, ed. Ahmad Barduni. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1964.
- Al-Sa'di, 'Abd al-Rahman bin Nasir, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Riyadh: Maktabah al-'Abikan, 2001.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah bin Musa, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Ahmad Muhammad Syakir. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1985.
- Astroawani. *Media Sosial Galak Penyebaran Maklumat Palsu Tentang Islam*. Astro Awani Online, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-sosial-galak-penyebaran-maklumat-palsu-tentang-islam-zahid>, diakses 27 Disember 2024.
- Basri Mahmud & Hamzah, *Membuka Pintu Rezeki Dalam Perspektif al-Qur'an*, Al-Quds: Jurnal Studi Alquran dan Hadith, 4(2)(2020): 467-480.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, Rezeki, DBP Online, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rezeki> diakses pada 28 Dis 2024.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, Tular, DBP Online, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tular> diakses pada 29 Dis 2024
- Faisal Ahmad Shah, *Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran*, Jurnal HADITH, no. 6/11, (2016): 9-28.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariya, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, ed. 'Abd al-Salam Muhammad Harun, n.p: Dar al-Fikr, 1979.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail bin 'Umar, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, ed. Muhammad Husayn, Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1998.

- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. n.p: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, n.d.
- Ibn Manzur, Jamaluddin, *Lisan al-'Arab*, ed. Muhammad bin Mukarram. Bayrut: Dar Sadir, 1994.
- Ibn Qayyim, Muhammad bin Abu Bakr bin Ayyub, *Tafsir al-Quran al-Karim*, ed. Ibrahim Ramadan, Bayrut: Dar wa Maktabah al-Hilal, 1989.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Doa Nabi Musa AS (Memohon Limpahan Rezeki)*, Facebook, <https://www.facebook.com/MyJAKIMmalaysia/posts/doa-nabi-musa-as-memohon-limpahan-rezeki%D8%B1%D9%8E%D8%A8%D9%91%D9%90-%D8%A5%D9%90%D9%86%D9%91%D9%90%D9%8A-%D9%84%D9%90%D9%85%D9%8E%D8%A2-%D8%A3%D9%8E%D9%86%D9%92%D8%B2%D9%8E%D9%84%D9%92%D8%AA%D9%8E-%D8%A5%D9%90%D9%84%D9%8E%D9%8A%D9%91%D9%8E-%D9%85%D9%90/4361750680542134/>, diakses pada 4 Disember 2024.
- Kuliah Agama Ustaz & Ustazah, Surah Ringkas yang Banyak Manfaat Untuk Kehidupan, Facebook.  
<https://www.facebook.com/739064092966742/photos/a.739086072964544/1450516848488126/?type=3> diakses pada 4 Disember 2024.
- M Syahar Ma'rif, *Keutamaan Istighfar: Kandungan Makna Istighfar Terhadap Hadits Riwayat Ibn Majah*, Jurnal al Adabiya, 14(2)(2019): 240-260.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi, 1955.
- Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad, *Media Sebagai Wasilah Dakwah*, Jurnal al-Hikmah, no. 5. (2013): 92-99.
- Nilhanrainydays, Doa Rezeki Mudah dan Lancar Surah al Fath ayat 1, Tiktok, <https://www.tiktok.com/@nilhanrainydays/video/7329760417390054663?lang=en> diakses pada 4 Disember 2024
- Norsurianaabdulka, Doa Setiap Kali Keluarkan Duit dari Dompet, Tiktok, <https://www.tiktok.com/@norsurianaabdulka/video/7379393881483332865> diakses pada 4 Disember 2024.
- Suphian Ismail, Doa Setiap Kali Keluarkan Duit dari Dompet, Facebook, <https://www.facebook.com/share/p/1HbHZMaw7m/> diakses pada 4 Disember 2024.
- Tasnim, Rezeki dan Anugerah Setelah Menikah Menurut Perspektif al-Quran, Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, 2022.
- Zaydan, 'Abd al-Karim, *Usul Dakwah*, n.p: Mu'assasah al-Risalah, 2001.

